

Bil. S 13

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH PERIKANAN, 2009**

**SUSUNAN BAB-BAB**

**Bab**

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

1. Gelaran dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**PENTADBIRAN**

3. Pengarah dan Timbalan Pengarah Perikanan.
4. Pegawai yang diberi kuasa dan pegawai penguatkuasaan.
5. Pelan perikanan.

**BAHAGIAN III**

**PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM BERKAITAN DENGAN LESEN**

6. Permohonan dan pembaharuan lesen.
7. Pengeluaran lesen.
8. Syarat-syarat.
9. Arahan-arahan.
10. Kesahan lesen.
11. Pembatalan dan penggantungan.

**WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

12. Rayuan.

**BAHAGIAN IV**

**PERALATAN MENANGKAP IKAN**

13. Peralatan menangkap ikan.

**BAHAGIAN V**

**SISTEM KULTUR LAUT**

14. Sistem kultur laut.

**BAHAGIAN VI**

**VESEL MENANGKAP IKAN TEMPATAN**

15. Pengendalian vesel menangkap ikan.

16. Enggan membenarkan atau memperbaharui permohonan.

**BAHAGIAN VII**

**VESEL MENANGKAP IKAN ASING**

17. Menangkap ikan dll. dengan menggunakan vesel menangkap ikan asing.

18. Laluan ikhlas menerusi perairan Negara Brunei Darussalam.

19. Akujanji hendaklah dimasukkan dalam perjanjian perikanan antarabangsa.

20. Permohonan untuk mendapatkan lesen.

21. Deposit.

22. Pengarah hendaklah mengambil kira perkara-perkara tertentu dalam menimbangkan permohonan untuk mendapatkan lesen.

**BAHAGIAN VIII**

**PENANGKAPAN IKAN REKREASI**

23. Lesen untuk mengadakan atau menganjurkan acara dll.

## **BAHAGIAN IX**

### **UDANG KARANG**

24. Penubuhan kawasan menangkap ikan udang karang.
25. Sekatan berkenaan dengan penangkapan ikan udang karang.

## **BAHAGIAN X**

### **RIZAB LAUT DAN TAMAN LAUT**

26. Penubuhan rizab laut dan taman laut.
27. Kesalahan melakukan perbuatan tertentu tanpa lesen.

## **BAHAGIAN XI**

### **PERIKANAN DARAT**

28. Galakan untuk mengembangkan dan mengurus perikanan darat.
29. Peraturan-peraturan bagi Bahagian ini.

## **BAHAGIAN XII**

### **KESALAHAN DAN HUKUMAN**

30. Perintah mahkamah berkenaan dengan pembatalan lesen.
31. Menangkap ikan dengan menggunakan bahan letupan dll.
32. Mamalia akuatik.
33. Merosakkan vesel menangkap ikan dll. dengan sengaja.
34. Memusnahkan keterangan yang menunjukkan salah.
35. Mengambil atau menerima ikan dari vesel menangkap ikan asing.
36. Kesalahan yang dilakukan oleh perkongsian, badan korporat dan ejen dan pekerja.
37. Mengkompaun kesalahan.

38. Spesies ikan berbahaya.
39. Tidak mematuhi Perintah dll.
40. Hukuman bagi kesalahan yang tidak diperuntukkan selainnya.

**BAHAGIAN XIII**

**PENGUATKUASAAN**

41. Kuasa-kuasa pegawai penguatkuasaan.
42. Kuasa untuk memasuki, merampas, menangkap dll.
43. Kuasa untuk menyiasat.
44. Bantuan kepada pegawai penguatkuasaan.
45. Memberi maklumat.
46. Mengadang dll. pegawai penguatkuasaan.
47. Pegawai yang diberi kuasa hendaklah mengisyiharkan jawatan.
48. Batasan liabiliti.
49. Perlucutan hak.
50. Pelupusan vesel dll. yang dirampas.
51. Memulangkan sementara vesel dll. yang dirampas.
52. Kos menahan vesel dll. dalam jagaan.
53. Perlucutan hak ke atas dan pelupusan vesel dll.
54. Penjualan ikan atau barang lain dari jenis yang mudah rosak.

**BAHAGIAN XIV**

**BIDANG KUASA DAN KETERANGAN**

55. Anggapan selain dari tentang peta dll.
56. Anggapan tentang peta dll.

57. Bukti tentang kedudukan vesel.
58. Salinan log dll. vesel penguatkuasaan.
59. Peruntukan keterangan.

## BAHAGIAN XV

### AM

60. Penyampaian dokumen.
  61. Pengecualian bagi maksud tertentu.
  62. Daftar lesen.
  63. Pembahagian perairan Negara Brunei Darussalam kepada zon-zon.
  64. Peraturan-peraturan bagi Perintah, selain dari Bahagian XI.
  65. Pindaan Penggal 130.
  66. Pemansuhan Penggal 61.
  67. Perkecualian.
  68. Pindaan Peraturan-Peraturan Perikanan.
  69. Pindaan S 29/02.
-

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
**(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH PERIKANAN, 2009**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**Gelaran dan gelaran panjang.**

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perikanan, 2009.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menyatukan undang-undang berkenaan dengan perikanan, penangkapan ikan dan pemprosesan ikan dan pemasaran dan pengagihan ikan dan untuk membuat peruntukan bagi perkara-perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya".

**Tafsiran.**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"akuakultur" bermakna pembiakan benih ikan atau pemeliharaan ikan melalui penternakan dalam keseluruhan atau sebahagian dari kitaran hidupnya;

"pegawai yang diberi kuasa" bermakna mana-mana orang yang disebut dalam 4(1);

"had kawasan penangkapan ikan Negara Brunei Darussalam" bermakna had kawasan yang ditentukan oleh atau di bawah bab 3 dari Akta Had Kawasan Penangkapan Ikan Brunei (Penggal 130);

"perairan Negara Brunei Darussalam" bermakna semua perairan, sama ada boleh dilalui atau tidak di dalam Negara Brunei Darussalam dan bahagian laut yang bersempadan dengan Negara Brunei Darussalam di dalam dan juga di luar perairan wilayah, yang di dalamnya warganegara Negara Brunei Darussalam mempunyai menurut undang-undang antarabangsa hak

eksklusif untuk menangkap ikan; dan jika bahagian itu ditakrifkan oleh syarat-syarat sebarang triti di antara Negara Brunei Darussalam dan mana-mana Negara lain, termasuk bahagian yang ditakrifkan itu;

"negara" bermakna negara atau wilayah di mana sesebuah vesel menangkap ikan asing didaftarkan atau di mana vesel itu tergolong;

"arahan" bermakna sebarang arahan yang dikeluarkan oleh Pengarah di bawah bab 9(1);

"Pengarah" bermakna Pengarah Perikanan;

"pegawai penguatkuasaan" bermakna mana-mana orang yang disebut dalam bab 4(2);

"vesel penguatkuasaan" bermakna sesebuah vesel yang digunakan oleh mana-mana pegawai penguatkuasaan bagi maksud menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Bahagian XIII;

"ikan" bermakna apa-apa hidupan haiwan atau tumbuhan akuatik, sama ada sedentari atau tidak, dan termasuk semua spesies ikan bersirip, krustasia, moluska, mamalia akuatik atau telur atau benihnya, anak ikan, fingerling, lokan atau benih moluska, tetapi tidak termasuk mana-mana spesies memerang, penyu atau telurnya;

"benih ikan" bermakna telur ikan, larva atau pascalarva ikan atau benih, anak ikan atau fingerling ikan;

"pelan perikanan" bermakna mana-mana pelan yang berkaitan dengan mana-mana perikanan yang disediakan oleh Pengarah di bawah bab 5;

"perikanan" bermakna mana-mana satu atau lebih stok ikan yang boleh diperlakukan sebagai suatu unit bagi maksud pemuliharaan, pengurusan dan perkembangannya dan termasuk penangkapan ikan bagi mendapatkan sebarang stok tersebut, dan akuakultur;

"menangkap ikan" bermakna —

(a) menangkap, mengambil atau membunuh ikan dengan apa-apa cara;

(b) cuba menangkap, mengambil atau membunuh ikan;

(c) melibatkan diri dalam sebarang aktiviti yang dapat dijangkakan dengan munasabah akan mengakibatkan penangkapan, pengambilan atau pembunuhan ikan;

(d) sebarang operasi bagi membantu atau sebagai persediaan untuk menjalankan, sebarang aktiviti yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan (a), (b) atau (c),

tetapi tidak termasuk penangkapan ikan rekreasi;

"peralatan menangkap ikan" termasuk pukat, perangkap ikan, kelong dan apa-apa alat, dengan atau tanpa pelampung, boyo atau batu ladung, yang direkabentuk untuk menangkap ikan dan termasuk apa-apa alat dari jenis mata kail;

"kelong" bermakna apa-apa peranti yang digunakan untuk menangkap ikan yang dibuat dari pancang atau tiang lain yang dicacahkan ke dalam tanah dan dililit dengan rami, rotan, dawai atau bahan pengadang lain dan direkabentuk sedemikian agar ikan dapat dihalakan ke dalam lilitan itu;

"vesel menangkap ikan" bermakna mana-mana vesel yang digunakan untuk, dilengkapi untuk digunakan bagi, atau dari jenis yang digunakan untuk —

(a) menangkap ikan; atau

(b) menolong atau membantu mana-mana vesel dalam melaksanakan sebarang aktiviti berkaitan dengan penangkapan ikan, termasuk sebarang aktiviti menyedia, memproses, menyejuk, menyimpan, membekal atau mengangkut ikan;

"vesel menangkap ikan asing" bermakna mana-mana vesel menangkap ikan selain dari vesel menangkap ikan tempatan;

"perikanan darat" bermakna perikanan di perairan sungai;

"perjanjian perikanan antarabangsa" bermakna sebarang triti dua hala atau pelbagai hala, yang berkaitan dengan penangkapan ikan atau perikanan, di antara Kerajaan dan kerajaan mana-mana negara lain atau di antara Kerajaan dan mana-mana organisasi antarabangsa;

"organisasi antarabangsa" bermakna organisasi antarabangsa di mana vesel menangkap ikan asing itu tergolong;

"lesen" bermakna suatu lesen yang dikeluarkan di bawah Perintah ini;

"kawasan menangkap ikan udang karang" bermakna mana-mana kawasan yang ditetapkan sebagai suatu kawasan menangkap ikan udang karang di bawah bab 24(1);

"vesel menangkap ikan tempatan" bermakna mana-mana vesel menangkap ikan yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam dan yang dimiliki seluruhnya oleh salah satu atau lebih yang berikut —

- (a) seorang warganegara Negara Brunei Darussalam;
- (b) suatu perbadanan berkanun yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negara Brunei Darussalam;
- (c) Kerajaan;
- (d) suatu pertubuhan yang diperbadankan atau tidak diperbadankan yang ditubuhkan di Negara Brunei Darussalam dan dimiliki seluruhnya oleh mana-mana orang yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan (a), (b) atau (c), atau pertubuhan lain yang diperbadankan atau tidak diperbadankan yang dimiliki seluruhnya oleh mana-mana orang yang dinyatakan dalam mana-mana perenggan tersebut;

"sistem kultur laut" bermakna mana-mana bangunan, struktur atau kemudahan yang digunakan dalam akuakultur dan termasuk kultur di dasar laut, kultur menggunakan sangkar, kultur menggunakan pukat gantung, kultur menggunakan kandang, kultur di kolam, kultur menggunakan tiang atau kayu, kultur menggunakan palung, kultur menggunakan rakit, kultur menggunakan tali dan tempat penetasan;

"taman laut" bermakna mana-mana kawasan yang ditubuhkan sebagai suatu taman laut di bawah bab 26(1)(b);

"rizab laut" bermakna mana-mana kawasan yang ditubuhkan sebagai suatu rizab laut di bawah bab 26(1)(a);

"juragan", berkenaan dengan sesebuah vesel, termasuk setiap orang (kecuali seseorang malim sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 2(1) dari Perintah Perkapalan Pedagang, 2002 (S 27/02), yang memerintah atau menjaga vesel itu atau bertindak secara sah sebagai juragan vesel itu;

"Menteri" bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara perikanan;

"pemilik", berkenaan dengan sesebuah vesel, bermakna orang yang memiliki vesel itu dan termasuk mana-mana pencarter, pencarter kecil, pemajak atau pemajak kecil vesel itu;

"pencemar" bermakna apa-apa bahan atau benda yang menyebabkan pencemaran;

"ikan proses" bermakna ikan yang telah diasinkan, dimasak, disejuk-bekukan atau diawet dengan apa-apa cara dan termasuk apa-apa produk yang diperolehi atau dikilang seluruhnya atau sebahagian dari ikan;

"alat-alat yang dilarang" termasuk serampang, peranti penangkapan ikan elektrik, bahan letupan yang digunakan untuk menangkap ikan dan apa-apa alat lain yang ditetapkan oleh Menteri;

"perairan sungai" bermakna perairan mana-mana sungai, tasik, anak sungai, kolam dan perairan lain di dalam Negara Brunei Darussalam, sama ada semulajadi atau buatan manusia, milik persendirian ataupun selainnya;

"spesies sedentari" bermakna organisma yang, pada peringkat boleh dipungut, sama ada tidak boleh bergerak di atas atau di bawah dasar laut atau tidak dapat bergerak kecuali sentiasa bersentuhan secara fizikal dengan dasar laut atau tanah bawah;

"penangkapan ikan rekreasi" bermakna menangkap ikan untuk rekreasi atau keseronokan sahaja;

"vesel" bermakna mana-mana bot, kapal atau perahu air lain dan termasuk hoverkraf.

## BAHAGIAN II

### PENTADBIRAN

#### **Pengarah dan Timbalan Pengarah Perikanan.**

3. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seorang Pengarah Perikanan dan seorang Timbalan Pengarah Perikanan bagi maksud melaksanakan Perintah ini.

(2) Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi penyeliaan am semua perkara yang disebut dalam Perintah ini.

(3) Pengarah boleh mewakilkan perjalanan sebarang kuasa atau perlaksanaan sebarang kewajipan yang diberikan atau dikenakan kepadanya oleh Perintah ini kepada Timbalan Pengarah Perikanan atau orang lain sebagaimana yang mungkin difikirkan patut olehnya.

(4) Kuasa untuk mewakilkan di bawah ceraian (3) hendaklah dijalankan sendiri oleh Pengarah.

**Pegawai yang diberi kuasa dan pegawai penguatkuasaan.**

4. (1) Bagi maksud-maksud Perintah ini, orang-orang yang berikut adalah pegawai yang diberi kuasa —

(a) Pengarah dan Timbalan Pengarah Perikanan;

(b) mana-mana pegawai polis; dan

(c) mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pengarah secara bertulis untuk melaksanakan sebarang peruntukan tertentu Perintah ini atau sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

(2) Bagi maksud-maksud Perintah ini, orang-orang yang berikut adalah pegawai penguatkuasaan —

(a) mana-mana pegawai yang diberikuasa; dan

(b) mana-mana pegawai memerintah dan setiap ahli krew mana-mana kapal tentera laut Kerajaan atau pesawat udara Kerajaan.

**Pelan perikanan.**

5. (1) Pengarah hendaklah menyediakan dan sentiasa mengkaji semula secara berterusan pelan perikanan berdasarkan kepada maklumat saintifik terbaik yang ada dan dirancang untuk memastikan penggunaan optimum sumber perikanan, selaras dengan dasar pemuliharaan dan pengurusan dan pengelakan penangkapan ikan yang berlebihan, dan menurut dasar negara, pelan dan program pembangunan yang menyeluruh.

(2) Setiap pelan dan setiap pengubabsuaian atau penyemakannya hendaklah dilaksanakan setelah dibenarkan oleh Menteri.

(3) Semua pembangunan dalam industri perikanan hendaklah menepati pada amnya dasar pemuliharaan dan pengurusan yang dinyatakan dalam pelan perikanan.

### **BAHAGIAN III**

#### **PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM BERKAITAN DENGAN LESEN**

**Permohonan dan pembaharuan lesen.**

6. (1) Permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat kepada Pengarah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah

dan hendaklah memenuhi sebarang kehendak sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Pengarah.

(2) Atas permohonan yang dibuat kepadanya untuk mendapatkan suatu lesen, Pengarah boleh membenarkan atau menolak permohonan itu.

(3) Pengarah hendaklah, setelah berpuas hati bahawa pemohon telah memenuhi kehendak-kehendak yang disebut dalam ceraian (1) dan telah membuat bayaran yang ditetapkan dan apa-apa deposit yang mungkin dikehendaki oleh Pengarah, membenarkan permohonan itu dan menyebabkan supaya lesen itu dikeluarkan kepada pemohon.

(4) Atas permohonan yang dibuat kepadanya bagi pembaharuan suatu lesen, Pengarah boleh, setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, menyebabkan supaya lesen itu diperbaharui.

(5) Pengarah tidak akan membenarkan permohonan yang dibuat di bawah bab ini jika pemohon dibatalkan kelayakannya menurut suatu perintah di bawah bab 30(2).

#### Pengeluaran lesen.

7. (1) Tiap-tiap lesen hendaklah dikeluarkan atas nama pemohon dan dalam borang dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

(2) Lesen tidaklah boleh dipindahmilik.

(3) Pengarah boleh enggan mengeluarkan atau memperbaharui sebarang lesen di bawah Perintah ini jika —

*(a)* terdapat pelanggaran mana-mana peruntukan Perintah ini atau mana-mana syarat lesen itu;

*(b)* dia berpuashati bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian bagi pengurusan mana-mana perikanan tertentu yang sempurna dan menurut pelan perikanan yang dikenakan kepada perikanan itu dan apa-apa arahan yang dikeluarkan dalam melaksanakan pelan itu.

#### Syarat-syarat.

8. (1) Mana-mana syarat yang ditentukan oleh Pengarah di bawah bab 7(1) hendaklah dikenakan kepada lesen itu.

(2) Jika dia berpuashati bahawa adalah perlu atau mustahak untuk berbuat demikian bagi pengurusan perikanan yang sempurna, Pengarah boleh mengubah

syarat-syarat suatu lesen, tetapi notis yang sewajarnya mengenai cadangan untuk mengubah syarat-syarat lesen itu hendaklah diberikan kepada pemegang lesen yang akan, jika dia menghendaki demikian, mempunyai hak untuk didengar dalam suatu tempoh sebagaimana yang mungkin dibenarkan oleh Pengarah.

(3) Suatu perakuan oleh Pengarah yang menyatakan bahawa mana-mana syarat dalam suatu lesen telah dikenakan atau sebarang perubahannya telah dibuat bagi pengurusan perikanan yang sempurna adalah bukti muktamad mengenainya dalam sebarang prosiding undang-undang.

**Arahan-arahan.**

9. (1) Pengarah boleh mengeluarkan arahan-arahan secara bertulis berkenaan dengan pengurusan perikanan yang sempurna untuk dipatuhi oleh tiap-tiap orang yang kepadanya arahan-arahan itu dikenakan.

(2) Arahan-arahan itu boleh dipamerkan di tempat-tempat awam dan bagi suatu tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

**Kesahan lesen.**

10. Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Perintah ini hendaklah, melainkan jika digantung, dibatalkan atau dinyatakan sebaliknya dalam lesen itu, tamat tempohnya pada 31hb Disember dalam tahun lesen itu dikeluarkan atau diperbaharui.

**Pembatalan dan penggantungan.**

11. (1) Tertakluk kepada ceraian (4), Pengarah boleh membatalkan atau menggantung bagi suatu tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut, sebarang lesen jika —

(a) pemegang lesen telah disabitkan atas sebarang kesalahan terhadap Perintah ini;

(b) jika terdapat pelanggaran mana-mana syarat lesen itu; atau

(c) Pengarah berpuashati bahawa adalah perlu untuk berbuat demikian bagi pengurusan mana-mana perikanan tertentu yang sempurna menurut pelan perikanan yang dikenakan kepada perikanan itu dan apa-apa arahan yang dikeluarkan dalam melaksanakan pelan itu.

(2) Pengarah boleh membatalkan suatu lesen jika operasi penangkapan ikan yang disebut dalam lesen itu tidak dimulakan dalam masa 3 bulan dari tarikh lesen itu dikeluarkan.

(3) Jika sesebuah vesel menangkap ikan tempatan atau sesebuah vesel menangkap ikan asing tidak lagi menjadi vesel menangkap ikan, sebarang lesen yang dikeluarkan berkaitan dengan vesel itu hendaklah dianggap telah dibatalkan apabila vesel itu tidak lagi menjadi vesel menangkap ikan tempatan atau vesel menangkap ikan asing.

(4) Sebelum Pengarah membuat keputusan untuk membatalkan atau menggantung suatu lesen di bawah ceraian (1)/b) atau di bawah ceraian (2), Pengarah hendaklah memberi peluang yang munasabah kepada pemegang lesen untuk menunjukkan sebab mengapa lesennya itu tidak patut dibatalkan atau digantung.

(5) Apabila suatu lesen telah dibatalkan atau digantung di bawah ceraian-ceraian (1) atau (2), Pengarah hendaklah menyebabkan supaya suatu notis mengenai hal itu disampaikan kepada pemegang lesen.

**Rayuan.**

12. (1) Mana-mana orang yang tidak puas hati dengan keengganannya Pengarah untuk mengeluarkan atau memperbaharui sebarang lesen di bawah Perintah ini (kecuali di bawah bab 17) atau dengan penggantungan atau pembatalan sebarang lesen yang dikeluarkan di bawah Perintah ini (kecuali di bawah bab 17) boleh merayu kepada Menteri terhadap keengganannya, penggantungan atau pembatalan tersebut dalam masa 14 hari selepas tarikh keengganannya, penggantungan atau pembatalan tersebut.

(2) Menteri boleh, setelah mendengar rayuan itu, membuat suatu perintah mengenainya sebagaimana yang difikirkannya patut dan perintah itu adalah muktamad.

(3) Sebarang perintah yang dibuat di bawah ceraian (2) hendaklah mengambilkira apa-apa skim untuk membataskan usaha menangkap ikan yang baginya peruntukan dibuat dalam mana-mana pelan perikanan.

**BAHAGIAN IV**

**PERALATAN MENANGKAP IKAN**

**Peralatan menangkap ikan.**

13. (1) Mana-mana orang yang, di dalam perairan Negara Brunei Darussalam —

*(a)* mengendalikan atau membenarkan untuk dikendalikan, apa-apa peralatan menangkap ikan tanpa suatu lesen;

(b) ada dalam milikannya atau di bawah kawalannya, apa-apa peralatan menangkap ikan tanpa lesen tersebut;

(c) memasang atau menyebabkan untuk dipasang apa-apa peralatan menangkap ikan kebenaran bertulis daripada Pengarah sebelum lesen tersebut dikeluarkan; atau

(d) melanggar syarat-syarat sebarang lesen atau kebenaran bertulis tersebut,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Kebenaran bertulis menurut ceraian (1)(c) hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Pengarah.

(3) Pengarah boleh enggan membenarkan permohonan bagi suatu lesen di bawah ceraian (1)(a) jika, pada pendapatnya, ada kemungkinan akan menyebabkan halangan kepada pelayaran atau rintangan kepada aliran semula jadi air di dalam perairan Negara Brunei Darussalam.

## BAHAGIAN V

### SISTEM KULTUR LAUT

#### Sistem kultur laut.

14. (1) Mana-mana orang yang, di dalam perairan Negara Brunei Darussalam —

(a) mengendalikan atau membenarkan untuk dikendalikan, apa-apa sistem kultur laut tanpa suatu lesen;

(b) membina atau menubuhkan apa-apa sistem kultur laut tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah sebelum lesen tersebut dikeluarkan; atau

(c) melanggar syarat-syarat sebarang lesen atau kebenaran bertulis tersebut,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Kebenaran bertulis menurut ceraian (1)(b) hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Pengarah.

(3) Pengarah boleh enggan membenarkan permohonan bagi suatu lesen di bawah ceraian (1)(a) jika, pada pendapatnya, sistem tersebut mungkin

menyebabkan apa-apa halangan kepada pelayaran atau rintangan kepada aliran semula jadi air di dalam perairan Negara Brunei Darussalam.

## BAHAGIAN VI

### VESEL MENANGKAP IKAN TEMPATAN

#### Pengendalian vesel menangkap ikan.

15. (1) Mana-mana orang yang mengendalikan atau membenarkan untuk dikendalikan mana-mana vesel menangkap ikan bagi maksud menangkap ikan —

- (a) tanpa suatu lesen;
- (b) dengan melanggar sebarang syarat lesen tersebut; atau
- (c) dengan melanggar apa-apa arahan,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Permohonan bagi suatu lesen menurut ceraian (1) berkaitan dengan sesebuah vesel menangkap ikan baru hendaklah dibuat sebelum pembinaan vesel itu dimulakan dan hendaklah disertakan dengan pelan, spesifikasi atau maklumat lain sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengarah.

(3) Pemohon boleh meneruskan pembinaan vesel menangkap ikan baru itu setelah menerima kebenaran bertulis untuk berbuat demikian daripada Pengarah, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan di dalamnya.

(4) Jika diperuntukkan di bawah suatu pelan perikanan bahawa tiada lesen di bawah Bahagian ini boleh dikeluarkan bagi jenis perikanan tertentu melainkan jika vesel menangkap ikan baru itu menggantikan vesel menangkap ikan yang telah pun dikeluarkan dengan suatu lesen bagi jenis perikanan tertentu itu, Pengarah tidak boleh membenarkan permohonan itu melainkan jika vesel menangkap ikan yang akan digantikan itu dilupuskan menurut arahannya.

#### Enggan membenarkan atau memperbarui permohonan.

16. Pengarah boleh enggan membenarkan atau memperbarui permohonan bagi suatu lesen di bawah bab 15(1) berkaitan dengan sesebuah vesel menangkap ikan baru yang telah dibina tanpa kebenaran Pengarah atau tidak menurut sebarang syarat yang dinyatakan di dalamnya.

## BAHAGIAN VII

### VESEL MENANGKAP IKAN ASING

**Menangkap ikan dll. dengan menggunakan vesel menangkap ikan asing.**

17. (1) Tiada vesel menangkap ikan asing boleh digunakan atau cuba digunakan untuk menangkap ikan atau bagi menjalankan apa-apa penyelidikan atau pemeriksaan berkenaan dengan mana-mana perikanan, di dalam perairan Negara Brunei Darussalam melainkan jika —

(a) vesel itu dibenarkan untuk berbuat demikian di bawah sebarang perjanjian perikanan antarabangsa di antara Kerajaan dan —

- (i) kerajaan negara; atau
- (ii) mana-mana pertubuhan antarabangsa,

di mana vesel itu didaftarkan atau di mana vesel itu tergolong; dan

(b) vesel itu digunakan bagi maksud-maksud menurut suatu lesen.

(2) Jika sesebuah vesel menangkap ikan asing digunakan dengan melanggar —

- (a) ceraian (1);
- (b) sebarang syarat suatu lesen; atau
- (c) apa-apa arahan,

pemilik, juragan dan setiap ahli krew vesel itu adalah melakukan suatu kesalahan dan jika sabit kesalahan, pemilik dan juragan setiap seorang boleh dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$100,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun atau kedua-duanya sekali dan setiap ahli krew boleh dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$2,500, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(3) Sebutan dalam ceraian (2) kepada "ahli krew" tidak termasuk seseorang pegawai yang diberi kuasa yang berada di dalam sesebuah vesel menangkap ikan asing menurut sebarang kehendak lesen itu.

**Laluan ikhlas menerusi perairan Negara Brunei Darussalam.**

18. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam bab ini, sesebuah vesel menangkap ikan asing tidak boleh memasuki atau berada di dalam perairan Negara Brunei Darussalam.

(2) Sesebuah vesel menangkap ikan asing boleh menggunakan hak untuk lalu secara ikhlas di dalam perairan Negara Brunei Darussalam menurut bab ini dan undang-undang antarabangsa.

(3) Juragan sesebuah vesel menangkap ikan asing yang memasuki perairan Negara Brunei Darussalam bagi maksud menggunakan hak untuk lalu secara ikhlas hendaklah memberitahu melalui radio mana-mana pegawai yang diberi kuasa atau mana-mana pegawai memerintah mana-mana kapal tentera laut Kerajaan tentang nama, Negara bendera, lokasi, laluan dan destinasi vesel itu, jenis dan jumlah ikan yang dibawanya dan hal keadaan yang di bawahnya vesel itu memasuki perairan Negara Brunei Darussalam.

(4) Tiap-tiap vesel menangkap ikan asing yang memasuki perairan Negara Brunei Darussalam bagi maksud menggunakan hak untuk lalu secara ikhlas hendaklah, tanpa menjaskan sebarang undang-undang bertulis yang lain dan sebarang kehendak yang dibuat secara sah di bawahnya, kembali ke suatu lokasi di luar perairan Negara Brunei Darussalam sebaik sahaja tujuannya memasuki perairan tersebut telah tercapai.

(5) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh menjaskan hak untuk menggunakan mana-mana vesel menangkap ikan asing menurut sebarang lesen yang dikeluarkan berkaitan dengan vesel itu.

(6) Jika sesebuah vesel menangkap ikan asing digunakan dengan melanggar ceraian-ceraian (1) atau (4), pemilik, juragan dan setiap ahli krew adalah setiap seorang melakukan suatu kesalahan.

(7) Juragan sesebuah vesel menangkap ikan asing yang melanggar ceraian (3) adalah melakukan suatu kesalahan.

(8) Bab 17(3) dikenakan kepada ceraian (6), dengan perubahan-perubahan sebagaimana yang mungkin diperlukan.

**Akujanji hendaklah dimasukkan dalam perjanjian perikanan antarabangsa.**

19. Tiap-tiap perjanjian perikanan antarabangsa yang disebut dalam bab 17(1)a/hendaklah termasuk suatu akujanji yang dibuat oleh kerajaan negara, atau oleh pertubuhan antarabangsa, yang menjadi suatu pihak kepada perjanjian itu dengan Kerajaan, untuk mematuhi atau memastikan supaya vesel menangkap ikannya mematuhi peruntukan-peruntukan Perintah ini.

**Permohonan untuk mendapatkan lesen.**

20. Permohonan untuk mendapatkan suatu lesen boleh dibuat melalui ejen bagi pemohon di Negara Brunei Darussalam, yang akan memikul tanggungjawab undang-undang dan kewangan bagi aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh vesel menangkap ikan asing.

**Deposit.**

21. (1) Tanpa menjaskan bab 20, Pengarah boleh menghendaki, atas pengeluaran suatu lesen, bahawa suatu jumlah wang sebagaimana yang mungkin ditentukannya hendaklah didepositkan dengan cara yang diarahkan olehnya sebagai jaminan bagi aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan oleh vesel menangkap ikan asing.

(2) Sebarang jumlah wang yang didepositkan menurut ceraian (1) boleh digunakan untuk membayar atau menanggung apa-apa denda atau tuntutan yang mungkin dikenakan atau timbul akibat dari atau melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh vesel menangkap ikan asing dan baki jumlah wang itu, jika ada, hendaklah dikembalikan apabila lesen itu tamat tempohnya atau dibatalkan.

**Pengarah hendaklah mengambil kira perkara-perkara tertentu dalam menimbangkan permohonan untuk mendapatkan lesen.**

22. Pengarah hendaklah, dalam menimbangkan permohonan untuk mendapatkan suatu lesen, mengambil kira perkara-perkara yang berikut —

*(a)* keperluan nelayan Negara Brunei Darussalam dan peruntukan-peruntukan pelan perikanan;

*(b)* takat kerjasama yang diberikan dan sumbangan yang dibuat oleh negara atau pertubuhan antarabangsa, terhadap penyelidikan perikanan, pengenalpastian stok ikan, pemuliharaan, pengurusan dan perkembangan sumber perikanan di dalam perairan Negara Brunei Darussalam, dan pematuhan undang-undang Negara Brunei Darussalam berkenaan dengan sumber tersebut oleh negara atau pertubuhan antarabangsa itu dalam mengembangkan industri perikanan Negara Brunei Darussalam, dalam melatih pekerja Negara Brunei Darussalam dan memindahkan teknologi kepada industri perikanan Negara Brunei Darussalam;

*(c)* syarat-syarat sebarang perjanjian perikanan antarabangsa yang berkuatkuasa; dan

*(d)* layanan timbal balik yang diberikan kepada vesel menangkap ikan tempatan oleh mana-mana negara atau pertubuhan antarabangsa.

**BAHAGIAN VIII**

**PENANGKAPAN IKAN REKREASI**

**Lesen untuk mengadakan atau menganjurkan acara dll.**

23. Mana-mana orang yang mengadakan atau menganjurkan sesuatu acara atau kejohanan penangkapan ikan rekreatif di dalam perairan Negara Brunei Darussalam tanpa suatu lesen adalah melakukan kesalahan.

**BAHAGIAN IX**

**UDANG KARANG**

**Penubuhan kawasan menangkap ikan udang karang.**

24. (1) Menteri boleh, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*, menubuhkan kawasan-kawasan di dalam perairan Negara Brunei Darussalam sebagai kawasan menangkap ikan udang karang.

(2) Dalam pemberitahuan di bawah ceraian (1), Menteri hendaklah mengisyiharkan waktu tertutup bagi penangkapan ikan udang karang.

(3) Had mana-mana kawasan yang ditubuhkan sebagai suatu kawasan menangkap ikan udang karang boleh diubah oleh Menteri dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan* dan pemberitahuan itu boleh juga membuat peruntukan bagi kawasan itu terhenti daripada menjadi suatu kawasan menangkap ikan udang karang.

**Sekatan berkenaan dengan penangkapan ikan udang karang.**

25. (1) Mana-mana orang yang —

(a) menangkap ikan atau ada dalam milikannya mana-mana udang karang; atau

(b) tertakluk kepada ceraian (3), mengendalikan atau membenarkan untuk dikendalikan, sesebuah vesel dengan perangkap udang karang atau apa-apa peralatan lain untuk menangkap ikan udang karang di dalam vesel itu,

di dalam suatu kawasan menangkap ikan udang karang dalam waktu tertutup yang diisyiharkan menurut bab 24(2) adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Mana-mana orang yang menangkap ikan udang karang di dalam perairan Negara Brunei Darussalam tanpa suatu lesen adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Mana-mana orang boleh mengangkut perangkap udang karang dalam waktu tertutup bagi maksud-maksud untuk menjual, membeli, membaiki atau menyimpan perangkap tersebut.

## BAHAGIAN X

### RIZAB LAUT DAN TAMAN LAUT

#### **Penubuhan rizab laut dan taman laut.**

26. [1] Menteri boleh, dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*, menubuhkan mana-mana kawasan di dalam perairan Negara Brunei Darussalam dan, jika bersesuaian, mana-mana tanah yang bersempadan atau sekitaran, sebagai —

(a) rizab laut bagi mengawalselia aktiviti rekreasi dan aktiviti lain di kawasan itu atau sebahagiannya untuk mengelakkan kerosakan yang tidak dapat dipulihkan kepada persekitarannya; dan

(b) taman laut bagi —

- (i) memberi perlindungan khas kepada flora dan fauna akuatik di kawasan itu atau sebahagiannya dan untuk melindungi, memelihara dan mengawal tapak pembiakan semula jadi dan habitat hidupan akuatik, dengan memberi perhatian yang khusus kepada spesies flora dan fauna luar biasa atau terancam;
- (ii) membiarkan hidupan akuatik hidup semula di kawasan itu atau sebahagiannya di mana hidupan itu telah pupus;
- (iii) menggalakkan kajian dan penyelidikan saintifik berkaitan dengan kawasan itu atau sebahagiannya;
- (iv) mengekalkan dan meningkatkan keadaan asli dan produktiviti kawasan itu atau sebahagiannya.

(2) Had mana-mana kawasan yang ditubuhkan sebagai rizab laut atau taman laut di bawah ceraian (1) boleh diubah oleh Menteri dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan* dan pemberitahuan itu boleh juga membuat peruntukan bagi kawasan itu terhenti daripada menjadi rizab laut atau taman laut.

Kesalahan melakukan perbuatan tertentu tanpa lesen.

27. (1) Mana-mana orang yang, di dalam mana-mana rizab laut atau taman laut, tanpa suatu lesen —

(a) menangkap ikan atau cuba menangkap ikan;

(b) mengambil, memindah atau memiliki apa-apa flora dan fauna akuatik atau sebahagiannya, sama ada mati atau hidup;

(c) memungut atau memiliki apa-apa batu karang, mengorek atau mengeluarkan apa-apa pasir atau batu kelikir, membuang atau meletakkan apa-apa pencemar, mengubah atau memusnahkan tapak pembiakan semula jadi atau habitat hidupan akuatik, atau memusnahkan apa-apa hidupan akuatik;

(d) membina atau mendirikan mana-mana bangunan atau struktur lain di atas atau di sebelah atas mana-mana tanah atau perairan di dalam suatu rizab laut atau taman laut;

(e) melabuhkan mana-mana vesel dengan menjatuhkan apa-apa jenis pemberat atau dengan menyangkutkan apa-apa jenis tali atau rantai kepada, mana-mana batu karang, batu atau objek tenggelam lain; atau

(f) memusnahkan, mencacatkan atau memindah apa-apa objek, sama ada bernyawa atau tidak bernyawa, di dalam suatu rizab laut atau taman laut,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Suatu lesen untuk melakukan sebarang perkara yang disebut dalam ceraian (1) boleh dikeluarkan jika lesen itu perlu bagi pengurusan yang sempurna ke atas rizab laut atau taman laut itu atau menurut sebarang tujuan yang disebut dalam bab 26(1).

## BAHAGIAN XI

### PERIKANAN DARAT

Galakan untuk mengembangkan dan mengurus perikanan darat.

28. Pengarah boleh menggalakkan perkembangan dan pengurusan perikanan darat melalui —

(a) perjalanan atau penyelarasan penyelidikan;

- (b) penyediaan dan penyelenggaraan stesen akuakultur percubaan dan tunjukcara, tempat pembiakan ikan dan pusat latihan;
- (c) pemberian nasihat dan bantuan teknikal;
- (d) penyediaan kemudahan publisiti dan tunjukcara dan perkhidmatan lain yang berkaitan; dan
- (e) pemberian nasihat mengenai langkah-langkah untuk mencegah penyakit ikan.

**Peraturan-peraturan bagi Bahagian ini.**

29. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan bagi pemuliharaan, perkembangan, pengurusan dan pengawalseliaan yang sempurna ke atas perikanan darat dan boleh, khususnya dan tanpa mengehadkan keluasan makna kuasa tersebut, membuat peraturan-peraturan bagi semua atau sebarang tujuan yang berikut —

- (a) untuk menggalakkan dan mengawalselia akuakultur di perairan sungai dan khususnya, membuat peruntukan bagi pajakan dan pelesenan tasik, paya, kolam lombong dan kolam lain, tanah dan kawasan lain bagi memelihara ikan, menetapkan piawaian bagi pembinaan dan pengendalian bangunan akuakultur termasuk saiz dan dalamnya kolam, langkah-langkah untuk mencegah penyakit ikan dan mengawal mana-mana spesis ikan yang tertentu yang mungkin dikeluarkan melalui pemeliharaan;
- (b) untuk mengawalselia atau melarang apa-apa cara menangkap ikan di perairan sungai atau penggunaan atau pemilikan jenis-jenis perangkap atau pukat yang tertentu, dan untuk menetapkan saiz mata pukat yang minimum;
- (c) untuk menetapkan berat dan saiz minimum ikan yang boleh ditangkap di perairan sungai bagi maksud jualan, pemprosesan, penggunaan atau rekreasi, atau untuk melarang penangkapan mana-mana spesis ikan yang ditetapkan;
- (d) untuk menentukan orang-orang, atas nama atau jawatan, sebagai pegawai melesen dan untuk menetapkan kuasa-kuasa yang akan dijalankan oleh pegawai-pegawai itu dan oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Pengarah secara bertulis bagi maksud itu berkenaan dengan perikanan darat;
- (e) bagi maksud pemuliharaan ikan di perairan sungai, untuk mengawalselia dan mengawal pembinaan mana-mana geluncuran,

empangan atau galangan lain, atau pembuangan pasir atau batu kelikir atau perubahan lain kepada persekitaran semula jadi atau habitat ikan; dan

(f) untuk menentukan, menetapkan, menggalakkan, menyediakan atau mengawalselia apa-apa perkara lain bagi pemuliharaan, perkembangan, pengurusan dan pengawalseliaan yang sempurna ke atas perikanan darat.

## BAHAGIAN XII

### KESALAHAN DAN HUKUMAN

**Perintah mahkamah berkenaan dengan pembatalan lesen.**

30. (1) Jika mana-mana orang telah disabitkan atas sebarang kesalahan terhadap Perintah ini, mahkamah yang di hadapannya dia disabitkan boleh, sebagai tambahan kepada sebarang hukuman lain yang boleh dikenakan, memerintahkan supaya sebarang lesen yang dikeluarkan di bawah Perintah ini dibatalkan yang berkenaan dengannya kesalahan itu telah dilakukan.

(2) Jika seseorang pemegang lesen telah disabitkan atas kesalahan kedua atau berikutnya di bawah Perintah ini, mahkamah yang di hadapannya dia disabitkan boleh, sebagai tambahan kepada sebarang hukuman lain yang boleh dikenakan, memerintahkan supaya orang itu dibatalkan kelayakannya daripada memegang suatu lesen di bawah Perintah ini bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 5 tahun, dan orang itu adalah melakukan suatu kesalahan jika dia mendapatkan atau cuba mendapatkan sebarang lesen di bawah Perintah ini semasa dia dibatalkan kelayakannya itu.

**Menangkap ikan dengan menggunakan bahan letupan dll.**

31. (1) Mana-mana orang yang —

(a) menggunakan atau cuba menggunakan apa-apa bahan letupan, racun, pencemar atau bahan beracun lain, perkakas, alat yang dilarang atau apa-apa benda lain, bagi maksud membunuh, melali, mencacatkan atau menangkap ikan, atau dengan apa juar cara lain yang menyebabkan ikan itu lebih senang ditangkap;

(b) membawa atau ada dalam milikannya atau di bawah kawalannya apa-apa bahan letupan, racun, pencemar atau bahan beracun lain, perkakas, alat yang dilarang atau apa-apa benda lain, dengan niat hendak menggunakan bahan letupan, racun, pencemar atau bahan beracun lain, perkakas, alat yang dilarang atau benda itu, bagi sebarang tujuan yang disebut dalam perenggan (a); atau

(c) didapati memiliki atau menerima, mana-mana ikan yang merupakan spesies yang dilarang di bawah Konvensyen mengenai Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Fauna dan Flora Liar (CITES) telah ditangkap dengan melanggar peruntukan-peruntukan Perintah ini, mengetahui atau mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa ikan itu adalah ikan yang dilarang,

adalah melakukan suatu kesalahan.

(2) Apa-apa bahan letupan, racun, pencemar atau bahan beracun lain, perkakas atau alat yang dilarang atau apa-apa benda lain yang disebut dalam ceraian (1) yang dijumpai dalam milikan atau di bawah kawalan mana-mana orang hendaklah dianggap sebagai dimaksudkan untuk digunakan bagi sebarang tujuan yang disebut dalam ceraian (1)/a) melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

#### **Mamalia akuatik.**

32. (1) Tiada sesiapa pun boleh memancing, mengganggu, mengacau, menangkap, menjual atau pun selainnya melupuskan atau mengambil mana-mana mamalia akuatik yang dijumpai di dalam perairan Negara Brunei Darussalam.

(2) Jika mana-mana mamalia akuatik ditangkap atau diambil dengan tidak sengaja semasa menangkap ikan, mamalia akuatik itu hendaklah dilepaskan dengan segera atau, jika telah mati, penangkapan atau pengambilannya itu hendaklah dilaporkan kepada mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Pengarah dan mamalia akuatik itu hendaklah dilupuskan menurut arahan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

(3) Mana-mana orang yang melanggar bab ini adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Merosakkan vesel menangkap ikan dll. dengan sengaja.**

33. Mana-mana orang yang dengan sengaja merosakkan atau memusnahkan mana-mana vesel menangkap ikan, peralatan menangkap ikan atau sistem kultur laut adalah melakukan suatu kesalahan.

#### **Memusnahkan keterangan yang menunjukkan salah.**

34. Mana-mana orang yang memusnahkan atau membuang mana-mana ikan, peralatan menangkap ikan, bahan letupan, racun, pencemar atau bahan beracun lain, perkakas, alat yang dilarang atau apa-apa benda lain dengan niat untuk mengelakkan perampasannya atau pengesanan apa-apa kesalahan terhadap Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan.

**Mengambil atau menerima ikan dari vesel menangkap ikan asing.**

35. Mana-mana orang yang mengambil atau menerima ikan dari sesebuah vesel menangkap ikan asing tanpa suatu lesen adalah melakukan suatu kesalahan.

**Kesalahan yang dilakukan oleh perkongsian, badan korporat dan ejen dan pekerja.**

36. (1) Jika suatu perkongsian melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini, tiap-tiap rakan kongsi, selain daripada rakan kongsi yang terbukti tidak tahu tentang kesalahan yang dilakukan itu atau telah cuba menghalang kesalahan itu dari dilakukan, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(2) Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini yang telah dilakukan oleh suatu badan korporat terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang kecuaian di pihak, seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya badan korporat itu, atau mana-mana orang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, dia, dan juga badan korporat itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(3) Berkenaan dengan suatu badan korporat yang urusannya diurus oleh ahli-ahlinya, "pengarah", dalam ceraian (2), bermakna mana-mana ahli badan korporat itu.

(4) Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini dilakukan oleh mana-mana orang yang bertindak sebagai seorang ejen atau pekerja bagi orang lain, atau pun selainnya tertakluk kepada penyeliaan atau arahan orang lain bagi maksud-maksud sebarang pekerjaan yang semasa menjalankan pekerjaan itu kesalahan tersebut telah dilakukan, orang lain itu, tanpa menjelaskan liabiliti orang yang mula-mula disebutkan, adalah bertanggungan di bawah Perintah ini dengan cara yang sama dan setakat yang sama seolah-olah dia sendiri telah melakukan kesalahan itu jika terbukti bahawa perbuatan yang menjadi kesalahan itu telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiarannya atau bahawa ia adalah disebabkan oleh sebarang kecuaian di pihaknya.

**Mengkompaun kesalahan.**

37. (1) Pengarah dan Timbalan Pengarah Perikanan dan mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Pengguna, boleh mengkompaun sebarang kesalahan terhadap Perintah ini, kecuali suatu kesalahan di bawah bab-bab 15(1), 17(1) atau 18, dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi dari \$1,000.

(2) Jika suatu peralatan menangkap ikan dan mana-mana ikan yang ditangkap adalah menjadi hal perkara sebarang kesalahan yang dikompaun di bawah ceraian (1), peralatan menangkap ikan itu dan mana-mana ikan yang ditangkap boleh dirampas dan dilupuskan sebagaimana yang diarahkan oleh Pengarah.

**Spesies ikan berbahaya.**

38. (1) Dengan tidak menghiraukan bab 40, Menteri boleh memperuntukkan dalam sebarang peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini yang berkaitan dengan larangan, pengawalseliaan atau kawalan spesies ikan yang dikenali sebagai piranha atau mana-mana spesies ikan lain berbahaya yang ditetapkan bahawa seseorang yang melanggar mana-mana peruntukannya adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Tiada pendakwaan berkaitan dengan suatu kesalahan yang disebut dalam ceraian (1) boleh dimulakan kecuali dengan persetujuan Pendakwa Raya.

**Tidak mematuhi Perintah dll.**

39. (1) Mana-mana orang yang melakukan atau cuba melakukan atau menyebabkan atau membenarkan untuk dilakukan atau bersubahat melakukan suatu perbuatan bertentangan dengan, atau tidak mematuhi, peruntukan-peruntukan Perintah ini atau melanggar syarat-syarat yang tertakluk kepadanya sebarang lesen telah dikeluarkan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika suatu kesalahan terus dilakukan selepas disabitkan, hendaklah kena dibayar oleh pesalah itu bagi setiap hari kesalahan itu berterusan suatu denda tidak melebihi dari \$50, dan jika kesalahan itu berterusan bagi suatu tempoh melebihi 10 hari selepas disabitkan maka pesalah itu juga boleh dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari 6 bulan.

**Hukuman bagi kesalahan yang tidak diperuntukkan selainnya.**

40. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini, jika tiada hukuman lain diperuntukkan, boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$10,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali.

BAHAGIAN XIII

PENGUATKUASAAN

**Kuasa-kuasa pegawai penguatkuasaan.**

41. Bagi maksud untuk memastikan peruntukan-peruntukan Perintah ini dipatuhi, mana-mana pegawai penguatkuasaan boleh, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Perintah ini, tanpa suatu waran —

- (a) menghentikan, menaiki dan menggeledah mana-mana vesel di dalam perairan Negara Brunei Darussalam dan menjalankan sebarang penyiasatan, penelitian dan pemeriksaan berhubung dengan krew, kelengkapan atau peralatan menangkap ikan, atau ikan yang dibawa di dalam vesel itu;
- (b) menghentikan, menaiki dan menggeledah, dan memeriksa mana-mana vesel atau kenderaan yang mengangkut ikan;
- (c) menghendaki supaya dikemukakan dan memeriksa apa-apa peralatan menangkap ikan;
- (d) memeriksa mana-mana kelong atau sistem kultur laut;
- (e) menghendaki supaya dikemukakan dan memeriksa sebarang lesen, rekod, perakuan atau apa-apa dokumen lain yang dikehendaki di bawah Perintah ini atau di bawah sebarang aturan dan piawaian antarabangsa yang diterima pada amnya, dan membuat salinannya.

**Kuasa untuk memasuki, merampas, menangkap dll.**

42. (1) Seseorang pegawai penguatkuasaan boleh, jika dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah Perintah ini, tanpa suatu waran —

- (a) memasuki dan menggeledah mana-mana tempat di mana dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan terhadap Perintah ini telah dilakukan;
- (b) mengambil sampel mana-mana ikan yang dijumpai di dalam mana-mana vesel atau kenderaan yang diperiksa di bawah bab 41(b) atau mana-mana tempat yang digeledah di bawah perenggan (a);
- (c) menangkap mana-mana orang yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai telah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini;

(d) merampas mana-mana vesel termasuk kelengkapan, alat, perabot, perlengkapan, barang stor dan kargo, atau mana-mana kenderaan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai telah digunakan dalam melakukan sebarang kesalahan atau yang berkenaan dengannya sebarang kesalahan telah dilakukan di bawah Perintah ini;

(e) merampas mana-mana ikan yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai telah ditangkap dalam melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini;

(f) merampas mana-mana ikan yang diimport dengan melanggar peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Perintah ini;

(g) merampas apa-apa bahan letupan, racun, pencemar atau bahan beracun lain, perkakas atau alat yang dilarang atau apa-apa benda lain yang dia mempunyai sebab untuk mempercayai telah digunakan, atau ada dalam milikan seseorang, dengan melanggar bab 31; atau

(h) merampas apa-apa peralatan menangkap ikan atau sistem kultur laut tanpa lesen.

(2) Jika mana-mana orang ditangkap oleh seseorang pegawai penguatkuasaan, pegawai itu hendaklah mematuhi peruntukan-peruntukan bab 33 dari Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) seolah-olah dia adalah seorang pegawai polis.

(3) Dalam melakukan sebarang perampasan di bawah ceraian (1), seseorang pegawai penguatkuasaan boleh menggunakan kekerasan yang mungkin diperlukan dengan munasabah.

(4) Suatu resit bertulis hendaklah diberikan bagi apa-apa benda yang dirampas di bawah ceraian (1).

(5) Jika mana-mana vesel telah dirampas di bawah ceraian (1), juragan dan krew vesel itu hendaklah membawanya ke sebuah pelabuhan sebagaimana yang ditetapkan oleh pegawai penguatkuasaan itu, iaitu pelabuhan yang paling dekat atau paling mudah.

(6) Juragan vesel itu hendaklah bertanggungjawab bagi keselamatan vesel itu, krewnya dan mana-mana orang lain di dalam vesel itu bagi membawa vesel itu ke perlabuhan yang ditetapkan itu.

(7) Jika juragan vesel itu tidak membawa atau enggan membawa vesel itu ke perlabuhan yang ditetapkan itu, mana-mana pegawai penguatkuasaan atau mana-mana orang yang diminta untuk membantunya boleh berbuat demikian.

(8) Jika sesebuah vesel dibawa ke pelabuhan menurut ceraian (6), tiada tuntutan apa pun boleh dibuat terhadap mana-mana pegawai penguatkuasaan berkaitan dengan sebarang kematian, kecederaan, kerugian atau kerosakan yang berlaku semasa vesel itu dibawa ke pelabuhan yang ditetapkan itu.

**Kuasa untuk menyiasat.**

43. Berkennaan dengan sebarang kesalahan terhadap Perintah ini, mana-mana pegawai yang diberi kuasa hendaklah mempunyai kuasa untuk menyiasat sama seperti seorang pegawai polis di bawah Penggal XIII Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7).

**Bantuan kepada pegawai penguatkuasaan.**

44. (1) Mana-mana pegawai penguatkuasaan yang menjalankan sebarang kuasa atau melaksanakan sebarang kewajipan di bawah Perintah ini boleh berbuat demikian dengan bantuan orang-orang yang dikehendaknya dengan munasabah untuk membantunya dalam berbuat demikian.

(2) Mana-mana orang yang diminta oleh mana-mana pegawai penguatkuasaan untuk membantunya dalam menjalankan sebarang kuasanya atau melaksanakan sebarang kewajipannya di bawah Perintah ini tidak boleh, tanpa sebab yang munasabah, enggan memberi bantuan yang dikehendaki dan hendaklah, apabila memberi bantuan itu, dianggap sebagai seorang pegawai penguatkuasaan.

**Memberi maklumat.**

45. Mana-mana orang yang, apabila dikehendaki menurut Perintah ini, tidak memberi apa-apa maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen atau apa-apa benda lain berkenaan dengan sebarang kesalahan yang dilakukan terhadap Perintah ini atau yang memberi apa-apa maklumat yang diketahuinya atau dia mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai palsu atau mengelirukan adalah melakukan suatu kesalahan.

**Mengadang dll. pegawai penguatkuasaan.**

46. Mana-mana orang —

*(a)* dengan sengaja mengadang atau melawan mana-mana pegawai penguatkuasaan dalam menjalankan sebarang kuasa dan kewajipannya di bawah Perintah ini; atau

*(b)* tidak mematuhi sebarang kehendak yang sah yang dikenakan oleh mana-mana pegawai penguatkuasaan di bawah Perintah ini,

adalah melakukan suatu kesalahan.

**Pegawai yang diberi kuasa hendaklah mengisyiharkan jawatan.**

47. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa, apabila menjalankan sebarang kuasanya atau melaksanakan sebarang kewajipannya di bawah Perintah ini hendaklah apabila diminta, mengemukakan kepada mana-mana orang yang terhadapnya dia mengambil tindakan sebarang pengenalan atau kebenaran bertulis untuk membuktikan bahawa dia adalah seorang pegawai yang diberi kuasa.

**Batasan liabiliti.**

48. (1) Tiada tindakan boleh diambil terhadap mana-mana pegawai penguatkuasaan berkaitan apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya atau oleh mana-mana daripada mereka dengan suci hati dan dalam menjalankan, melaksanakan atau dikatakan dalam menjalankan atau melaksanakan, sebarang kuasa atau kewajipan di bawah Perintah ini.

(2) Tiada tindakan boleh dikemukakan terhadap mana-mana pegawai penguatkuasaan kerana apa-apa kerosakan yang berlaku kepada mana-mana vesel (termasuk kelengkapan, perabot, barang stor, kargo dan peralatan menangkap ikannya), kenderaan, pesawat udara, barang atau benda yang dirampas di bawah Perintah ini, melainkan jika terdapat keterangan tentang kecuaian atau niat jahat.

(3) Tiada sesiapa pun berhak mendapat sebarang pampasan kerana apa-apa perbelanjaan yang dilakukan atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan sebagaimana yang disebutkan dalam ceraian (1), melainkan jika kerosakan itu disebabkan oleh kecuaian atau niat jahat dan tanpa sebab yang munasabah.

**Perlucutan hak.**

49. Jika telah terbukti kepada mahkamah bahawa mana-mana vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda yang dirampas di bawah Perintah ini adalah menjadi hal perkara atau telah digunakan dalam melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini, mahkamah boleh memerintahkan supaya vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda itu dilucutahak, walaupun seseorang itu tiada didapati bersalah melakukan suatu kesalahan.

**Pelupusan vesel dll. yang dirampas.**

50. (1) Jika mana-mana vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda dirampas di bawah Perintah ini dan tiada pendakwaan dimulakan berkaitan

dengannya, vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda itu hendaklah ditahan bagi suatu tempoh selama satu bulan dari tarikh perampasan, pada tamatnya tempoh satu bulan itu ia hendaklah dilucutahk, melainkan jika suatu tuntutan bertulis mengeninya diterima oleh Pengarah dalam tempoh itu daripada orang yang daripadanya vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda itu dirampas.

(2) Jika sebarang tuntutan bertulis diterima di bawah ceraian (1), tuntutan itu hendaklah dirujukkan oleh Pengarah kepada mahkamah bagi keputusannya tentang pelupusan vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda itu, yang boleh, tertakluk kepada bab 51, ditahan sementara menunggu selesainya pendakwaan itu.

(3) Mahkamah hendaklah mengeluarkan suatu saman yang menghendaki pihak menuntut dan orang, jika ada, yang daripadanya vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda itu dirampas untuk hadir di hadapan mahkamah dan apabila pihak menuntut atau orang itu hadir atau apabila dia gagal berbuat demikian setelah notis yang munasabah diberikan, mahkamah hendaklah terus bertindak meneliti perkara itu dan membuat suatu perintah setelah fakta-fakta itu dibuktikan.

**Memulangkan sementara vesel dll. yang dirampas.**

51. (1) Jika mana-mana vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda dirampas di bawah Perintah ini, Pengarah boleh memulangkan vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda itu untuk sementara waktu kepada pemiliknya atau kepada orang yang daripada milikan, jagaan atau kawalannya vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda itu dirampas, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Pengarah dan tertakluk, dalam sebarang hal, kepada jaminan yang mencukupi diberikan sehingga memuaskan hati Pengarah bahawa vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda itu hendaklah diserahkan kepadanya apabila diminta dan bahawa syarat-syarat tersebut, jika ada, hendaklah dipatuhi.

(2) Jaminan yang disebut dalam ceraian (1) tidaklah boleh kurang dari nilai agregat vesel (termasuk kelengkapan, perabot, barang stor, kargo dan peralatan menangkap ikannya), kenderaan, pesawat udara, barang atau benda itu, perbelanjaan yang dilakukan untuk merampas vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda itu dan untuk menghantar pulang krew vesel, kenderaan atau pesawat udara itu dan denda maksimum yang boleh dikenakan berkaitan dengan kesalahan itu.

(3) Mana-mana orang yang —

(a) apabila diminta tidak menyerahkan kepada Pengarah vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda yang dipulangkan untuk sementara waktu kepadanya di bawah ceraian (1); atau

(b) tidak mematuhi sebarang syarat yang dikenakan di bawah ceraian (1),

adalah melakukan suatu kesalahan.

**Kos menahan vesel dll. dalam jagaan.**

52. Jika mana-mana vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda yang ditahan dalam jagaan Kerajaan sementara menunggu selesainya sebarang prosiding berkaitan dengan suatu kesalahan terhadap Perintah ini, kos menahan vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda dalam jagaan itu hendaklah, jika mana-mana orang melakukan kesalahan itu, menjadi suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh pemilik vesel, kenderaan, pesawat udara, barang atau benda itu, kepada Kerajaan dan boleh didapatkan balik dengan sewajarnya.

**Perlucutan hak ke atas dan pelupusan vesel dll.**

53. (1) Jika mana-mana orang melakukan suatu kesalahan terhadap Perintah ini, mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada sebarang hukuman lain yang boleh dikenakan —

(a) memerintahkan supaya vesel (termasuk kelengkapan, perabot, barang stor, kargo dan peralatan menangkap ikannya), kenderaan, pesawat udara, barang atau benda yang digunakan dalam melakukan kesalahan itu atau yang berkenaan dengannya kesalahan itu telah dilakukan dilucutahak; dan

(b) memerintahkan supaya mana-mana ikan yang ditangkap dalam melakukan kesalahan itu atau hasil penjualan mana-mana ikan atau barang lain dari jenis yang mudah rosak yang disebut dalam bab 54, dan apa-apa bahan letupan, racun, pencemar atau bahan beracun lain, perkakas, alat yang dilarang atau apa-apa benda lain yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan dalam melakukan kesalahan itu dilucutahak.

(2) Mana-mana vesel (termasuk kelengkapan, perabot, barang stor, kargo dan peralatan menangkap ikannya), kenderaan, pesawat udara, barang atau benda, bahan letupan, racun, pencemar atau bahan beracun lain, perkakas, alat yang dilarang atau apa-apa benda lain, atau ikan, yang diperintahkan untuk dilucutahak di bawah ceraian (1) atau di bawah bab 50 hendaklah dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Pengarah.

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

**Penjualan ikan atau barang lain dari jenis yang mudah rosak.**

54. (1) Mana-mana ikan atau barang lain dari jenis yang mudah rosak yang dirampas di bawah Perintah ini boleh, atas arahan Pengarah, dimusnahkan atau dijual dan hasil penjualannya hendaklah —

(a) ditahan bagi mematuhi keputusan sebarang pendakwaan atau tuntutan;

(b) jika tiada terdapat pendakwaan atau tuntutan, dibayar kepada orang (jika diketahui) yang daripadanya ikan itu dirampas, ataupun selainnya hendaklah ditahan bagi suatu tempoh selama satu bulan mulai dari tarikh penjualan tersebut, pada tamatnya tempoh satu bulan itu ia hendaklah dianggap sebagai dilucuthak.

(2) Kerajaan tidaklah bertanggungan kepada mana-mana orang atas apa-apa kemerosotan mutu mana-mana ikan atau barang lain yang dirampas di bawah Perintah ini yang berlaku dengan apa jua cara sekalipun.

## BAHAGIAN XIV

### BIDANG KUASA DAN KETERANGAN

**Anggapan selain dari tentang peta dll.**

55. (1) Tertakluk kepada ceraian (2), jika —

(a) mana-mana ikan; atau

(b) apa-apa peralatan menangkap ikan atau kelengkapan lain untuk menangkap ikan,

dijumpai di dalam sesebuah vesel menangkap ikan asing di dalam perairan Negara Brunei Darussalam, maka ikan, peralatan menangkap ikan atau kelengkapan itu hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya —

(i) telah ditangkap di dalam perairan Negara Brunei Darussalam; atau

(ii) telah digunakan untuk menangkap ikan di dalam perairan Negara Brunei Darussalam tanpa suatu lesen.

(2) Suatu panggilan radio dari sesebuah vesel menangkap ikan asing kepada mana-mana pegawai penguatkuasaan yang dibuat sebelum memasuki perairan Negara Brunei Darussalam —

(a) yang memberitahu bahawa vesel itu sedang menggunakan haknya untuk lalu secara ikhlas melalui perairan Negara Brunei Darussalam; dan

(b) yang memberitahu laluannya yang dicadangkan dan banyaknya ikan di dalam vesel itu,

dan menunjukkan bukti, jika vesel itu dihentikan, dinaiki dan digeledah di bawah Bahagian XIII, bahawa –

- (i) ikan di dalam vesel itu disimpan dalam geladak tertutup;
- (ii) peralatan menangkap ikan atau kelengkapan lain untuk menangkap ikan sempurna disimpan dan dilindungi di dalam vesel itu supaya ia tidak mudah didapatkan untuk menangkap ikan; dan
- (iii) vesel itu sedang belayar melalui perairan Negara Brunei Darussalam dari suatu tempat di luar perairan itu ke suatu tempat lain di luar perairan itu dengan laluan paling pendek yang boleh,

adalah menjadi suatu pembelaan dalam prosiding kerana suatu kesalahan terhadap Perintah ini.

#### **Anggapan tentang peta dll.**

56. Bagi maksud-maksud Perintah ini, sesebuah mahkamah hendaklah menganggap bahawa peta, pelan atau carta yang dikatakan dibuat dengan kebenaran Kerajaan telah dibuat demikian dan adalah betul.

#### **Bukti tentang kedudukan vesel.**

57. (1) Bab ini dan bab 58 hendaklah dikenakan bagi maksud untuk membuktikan dalam sebarang prosiding undang-undang kedudukan mana-mana vesel pada mana-mana waktu tertentu atau apabila sebarang kejadian tertentu berlaku.

(2) Melainkan jika dibuktikan sebaliknya, suatu dokumen yang dikatakan sebagai suatu catatan dalam buku log sesebuah vesel penguatkuasaan yang diperakui oleh mana-mana pegawai penguatkuasaan hendaklah dianggap sebagai catatan tersebut.

(3) Melainkan jika dalam sebarang prosiding undang-undang mahkamah mengarahkan selainnya, suatu dokumen yang disebut dalam ceraian (2) hendaklah diterima sebagai keterangan tanpa orang yang memperakui catatan itu atau orang yang memberi perakuan itu dipanggil sebagai seorang saksi.

**Salinan log dll. vesel penguatkuasaan.**

58. Satu salinan catatan yang berkaitan dalam buku log sesebuah vesel penguatkuasaan yang diperakui oleh mana-mana pegawai penguatkuasaan yang menunjukkan kedudukan mana-mana vesel lain pada mana-mana waktu tertentu atau apabila sebarang kejadian tertentu berlaku hendaklah dianggap, melainkan jika dibuktikan sebaliknya, sebagai kedudukan vesel tersebut pada waktu itu atau apabila kejadian itu berlaku, mengikut mana yang berkenaan.

**Peruntukan keterangan.**

59. (1) Pengarah boleh memberi suatu perakuan berkenaan dengan apa-apa perkara yang disebut dalam ceraian (2).

(2) Suatu perakuan yang diberikan oleh Pengarah yang menyatakan —

(a) bahawa suatu lesen telah dikeluarkan kepada seseorang yang dikenalpasti pada, atau telah digantung atau dibatalkan pada atau mulai dari, suatu tarikh yang dinyatakan dalam perakuan itu;

(b) bahawa mana-mana lesen adalah atau telah, pada suatu tarikh yang dinyatakan dalam perakuan itu, berkuatkuasa berkaitan dengan sesebuah vesel yang dikenalpasti;

(c) bahawa mana-mana syarat yang dinyatakan dalam perakuan itu adalah, pada suatu tarikh atau dalam tempoh yang dinyatakan itu, syarat suatu lesen;

(d) bahawa sesebuah vesel yang dikenalpasti adalah, pada suatu tarikh yang dinyatakan dalam suatu lesen, berhak menangkap ikan atau menjalankan apa-apa pemeriksaan atau penyelidikan, di suatu lokasi yang dinyatakan itu;

(e) bahawa seseorang yang dikenalpasti adalah atau pernah menjadi, pada suatu tarikh yang dinyatakan dalam perakuan itu, pemilik, juragan atau seorang ahli krew sebuah vesel yang dikenalpasti itu; atau

(f) yang bermaksud menidakkan apa-apa perkara yang disebut dalam perenggan-perenggan (a) hingga (e),

hendaklah diterima dalam prosiding undang-undang sebagai keterangan mengenai fakta itu.

## BAHAGIAN XV

### AM

#### Penyampaian dokumen.

60. (1) Jika apa-apa dokumen hendak disampaikan di bawah Perintah ini kepada mana-mana orang, dokumen itu boleh disampaikan —

(a) dalam sebarang hal, dengan menyerahkan sendiri satu salinannya kepada orang yang hendak disampaikan dokumen itu;

(b) jika dokumen itu hendak disampaikan kepada juragan sesebuah vesel, kepada seseorang yang bekerja di atas vesel itu atau kepada seseorang pemegang lesen, dengan meninggalkan dokumen itu untuknya di dalam vesel itu dengan orang yang memerintah atau menjaga atau didapati memerintah atau menjaga vesel itu;

(c) dengan menampalkan satu salinan dokumen itu pada mana-mana bahagian yang mudah dilihat di tempat kediamannya yang biasa atau terakhir diketahui atau vesel itu; atau

(d) dengan surat berdaftar yang dialamatkan kepada tempat kediamannya yang biasa atau terakhir diketahui atau jika orang itu adalah suatu badan korporat kepada pejabat berdaftarnya.

(2) Suatu dokumen yang hendak disampaikan kepada juragan sesebuah vesel yang didaftarkan di Negara Brunei Darussalam atau dilesenkan di bawah Perintah ini boleh, jika juragan itu tidak dijumpai, disampaikan kepada pemilik vesel itu atau kepada ejen pemilik yang tinggal di Negara Brunei Darussalam.

#### Pengecualian bagi maksud tertentu.

61. Pengarah boleh secara bertulis, bagi maksud penyelidikan atau latihan atau bagi pemuliharaan dan pengurusan perikanan yang sempurna, mengecualikan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dikenakan olehnya, mana-mana vesel atau orang dari semua atau sebarang peruntukan Perintah ini.

#### Daftar lesen.

62. Daftar-daftar yang menunjukkan butir-butir lesen yang dikeluarkan di bawah Perintah ini hendaklah dalam bentuk dan diselenggarakan dengan cara dan disimpan di suatu tempat, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengarah.

**Pembahagian perairan Negara Brunei Darussalam kepada zon-zon.**

63. (1) Menteri boleh, bagi maksud-maksud Perintah ini, dengan perintah membahagikan perairan Negara Brunei Darussalam kepada sebilangan zon sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

(2) Dalam suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (1), Menteri hendaklah memberi kepada setiap zon nama atau identiti lain yang mengannya zon itu akan dikenali dan koordinat-koordinat geografi yang menentukan datum geodesi berkenaan dengan setiap zon tersebut.

(3) Menteri boleh menyebabkan supaya disediakan carta-carta sebagaimana yang difikirkannya patut, yang menunjukkan zon-zon atau mana-mana zon yang kepadanya perairan Negara Brunei Darussalam dibahagikan.

(4) Suatu sebutan dalam suatu lesen kepada suatu zon dengan nama atau identiti yang ditentukan dalam suatu perintah yang dibuat di bawah ceraian (1) hendaklah disifatkan sebagai suatu sebutan kepada zon yang disebut dalam perintah itu.

**Peraturan-peraturan bagi Perintah, selain dari Bahagian XI.**

64. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang dianggapnya perlu atau mustahak bagi menguatuskan dan menjalankan pemuliharaan, perkembangan dan pengurusan perikanan, penangkapan ikan dan pemprosesan ikan yang sempurna dan berkenaan dengan industri-industri yang berkaitan dan bagi perlaksanaan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada semua atau sebarang maksud yang berikut —

(a) untuk menetapkan bilangan, kerakyataan dan komposisi orang-orang yang dibenarkan untuk diambil bekerja atau dibawa di atas vesel menangkap ikan;

(b) untuk mengadakan syarat-syarat yang akan dipatuhi oleh vesel menangkap ikan tempatan dan asing di dalam perairan Negara Brunei Darussalam termasuk syarat-syarat berkenaan dengan penyimpanan peralatan menangkap ikannya apabila tidak digunakan, dan pada amnya untuk mengawalselia perjalanan operasi menangkap ikannya;

(c) untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan, pengawalseliaan dan pengurusan mana-mana perikanan;

(d) untuk mengadakan musim tertutup bagi menangkap ikan di dalam mana-mana kawasan yang ditetapkan, menangkap spesis ikan yang

ditentukan atau menangkap ikan dengan menggunakan cara-cara menangkap ikan yang ditentukan;

(e) untuk menetapkan batasan ke atas kuantiti, saiz dan berat ikan yang ditangkap dan disimpan atau diperdagangkan;

(f) untuk menetapkan saiz mata pukat yang minimum;

(g) untuk menetapkan kawasan larangan bagi menangkap ikan berkaitan dengan semua jenis ikan atau spesis ikan yang tertentu atau menangkap ikan dengan menggunakan cara-cara menangkap ikan yang tertentu;

(h) untuk mengawalselia aktiviti-aktiviti di dalam rizab laut dan taman laut;

(i) untuk menetapkan cara-cara menangkap ikan atau peralatan menangkap ikan;

(j) untuk mengadakan peruntukan bagi pelesenan peralatan menangkap ikan dan sistem kultur laut;

(k) untuk mengawalselia atau melarang pembinaan, penyelenggaraan, pengeraian, pemberian dan pencahayaan kelong, peranti mengumpul ikan dan sistem kultur laut;

(l) untuk mengawalselia pendaratan ikan, untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan dan kawalan perlabuhan menangkap ikan dan kawasan pendaratan ikan, dan untuk melantik agensi-agensi sebagaimana yang mungkin dikehendaki untuk melaksanakan pengurusan dan kawalan itu;

(m) untuk menetapkan piawaian makanan ikan;

(n) untuk melarang atau mengawal pengimportan dan pengeksportan ikan hidup, termasuk ikan air tawar dan ikan akuarium, dan khususnya untuk melarang atau mengawal pengimportan, penjualan, penternakan atau penyimpanan ikan hidup atau mana-mana spesis ikan hidup yang tertentu yang bukan berasal dari mana-mana bahagian perairan Negara Brunei Darussalam;

(o) untuk menggalakkan dan mengawalselia akuakultur di dalam perairan Negara Brunei Darussalam;

(p) untuk menetapkan syarat-syarat dan prosedur permohonan bagi sebarang lesen, perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki di bawah Perintah ini, bentuknya dan amaun bayaran, deposit dan jaminan yang kena dibayar berkenaan dengannya;

- (q) untuk mengadakan peruntukan bagi dan memperbaiki pengumpulan statistik dan menghendaki mana-mana orang yang terlibat dalam penangkapan ikan, pemasaran, pemprosesan atau akuakultur untuk memberi apa-apa maklumat sebagaimana yang mungkin dikehendaki;
- (r) untuk menganjurkan dan mengawalselia penangkapan ikan rekreasi;
- (s) untuk mengadakan peruntukan bagi kuasa-kuasa pegawai yang diberi kuasa dan pegawai perikanan;
- (t) untuk menetapkan hukuman bagi kesalahan-kesalahan;
- (u) untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berkenaan dengan kawalan dan perampasan vesel menangkap ikan tempatan dan asing;
- (v) untuk mengadakan peruntukan bagi langkah-langkah lain yang perlu atau mustahak untuk memastikan bahawa vesel menangkap ikan asing digunakan bagi menangkap ikan di dalam perairan Negara Brunei Darussalam atau bagi menangkap ikan dari spesies sedentari di pelantar benua sahaja menurut syarat-syarat lesennya;
- (w) untuk menghendaki pemohon-pemohon lesen supaya menyempurnakan bon, membuat deposit atau memberi bentuk jaminan lain bagi melaksanakan apa-apa obligasi di bawah lesen mereka;
- (x) untuk mengadakan peruntukan bagi pampasan yang kena dibayar kepada warganegara Negara Brunei Darussalam atau Kerajaan sekiranya berlaku sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh vesel menangkap ikan asing terhadap vesel menangkap ikan tempatan, peralatan menangkap ikan atau tangkapannya;
- (y) untuk mengadakan peruntukan bagi pengezonan, pengurusan, perkembangan, kawalan dan perlindungan rizab laut dan taman laut dan bagi maksud-maksud Bahagian X;
- (z) untuk menggalakkan, mengawalselia dan menjalankan penyelidikan saintifik;
- (za) untuk menetapkan kawasan-kawasan perairan Negara Brunei Darussalam di mana penangkapan ikan akan dirizabkan untuk vesel menangkap ikan dan nelayan tempatan;
- (zb) untuk menetapkan kawasan-kawasan di dalam perairan Negara Brunei Darussalam yang melaluinya vesel menangkap ikan asing tanpa suatu lesen boleh lalu bagi memudahkan penguatkuasaan peruntukan-

peruntukan Perintah ini dan dengan cara yang tidak akan menafikan atau menjelaskan hak untuk lalu secara ikhlas vesel itu;

(zc) bagi mengawal spesies ikan terancam atau untuk menguatkuaasakan peruntukan-peruntukan Konvensyen mengenai Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam Fauna dan Flora Liar (CITES);

(zd) untuk mengawal pergerakan ikan di dalam Negara Brunei Darussalam;

(ze) untuk menetapkan langkah-langkah bagi mengawal penyakit ikan;

(zf) untuk mengadakan peruntukan bagi pengurusan, perkembangan dan kawalan kawasan menangkap ikan udang karang dan udang karang;

(zg) untuk mengawalselia mana-mana tempat yang digunakan bagi memproses, membungkus atau menyimpan ikan, pemeriksaannya dan kelengkapan di dalamnya, dan untuk mengawal dengan melesenkan mana-mana tempat tersebut yang digunakan bagi maksud-maksud itu;

(zh) untuk mengawal cara-cara memproses ikan;

(zi) untuk mengawalselia pemeriksaan dan penelitian ikan proses dan ikan yang akan diproses dan piawaian bagi kawalan kualiti ikan itu;

(zj) bagi melesenkan, mengawal dan menyelia dan melindungi mana-mana perikanan dan penternakan ikan atau mana-mana spesies ikan yang tertentu;

(zk) bagi menetapkan bayaran;

(zl) apa-apa perkara atau hal lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan atau dikawalselia di bawah Perintah ini.

(2) Peruntukan boleh dibuat dalam sebarang peraturan yang dibuat di bawah perenggan (zg) ceraian (1) bahawa mana-mana tempat yang disebut dalam perenggan itu tidaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan pelesenan premis.

#### Pindaan Penggal 130.

65. Bab 4 dari Akta Had Kawasan Penangkapan Ikan Brunei adalah dimansuhkan.

**Pemansuhan Penggal 61.**

66. Tertakluk kepada bab 67, Akta Perikanan adalah dimansuhkan.

**Perkecualian.**

67. (1) Orang-orang yang memegang jawatan Pengarah dan Timbalan Pengarah Perikanan sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini hendaklah dianggap bagi maksud-maksud Perintah ini telah dilantik masing-masing pada permulaan kuatkuasa Perintah ini kepada jawatan-jawatan yang sama.

(2) Sebarang lesen yang dikeluarkan di bawah Akta Perikanan (Penggal 61) (dimansuhkan oleh Perintah ini) yang berkuatkuasa sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini hendaklah terus berkuatkuasa bagi sebanyak mana dari tempoh yang tinggal di bawahnya selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini.

(3) Sebarang undang-undang tambahan atau lantikan yang dibuat, dan apa jua yang dilakukan, di bawah Akta Perikanan (Penggal 61) (dimansuhkan oleh Perintah ini) dan berkuatkuasa sejurus sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini dan setakat mana ia tidak bertentangan dengan Perintah ini, hendaklah terus berkuatkuasa seolah-olah dibuat atau dilakukan di bawah Perintah ini, sehingga ia dipinda, dimansuhkan atau dibatalkan di bawah Perintah ini.

**Pindaan Peraturan-Peraturan Perikanan.**

68. Peraturan-Peraturan Perikanan adalah dipinda —

(a) dengan memansuhkan peraturan 2;

(b) dalam peraturan 3, dengan menggantikan koma bernoktah dengan noktah pada penghujung perenggan (b) dan dengan memotong perenggan (c);

(c) dalam peraturan 5, dengan memotong perenggan-perenggan (a), (b) dan (c);

(d) dalam Jadual, dengan menambah yang berikut —

"7. Penangkapan ikan rekreati	\$50.00 bagi setiap acara atau pertandingan".
-------------------------------	---

Pindaan S 29/02.

69. Peraturan-Peraturan Perikanan (Piranha), 2002 adalah dipinda, dalam peraturan 4, dengan memotong "\$2,500 dan dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari satu tahun" dan menggantikannya dengan "\$50,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi dari satu tahun atau kedua-duanya sekali".

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1430 bersamaan dengan 30 haribulan Mei, 2009 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM